

Jual Beli Dari Sudut Pandangan Islam



Oleh: Nurul Fatinah Abdul Malek

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 8 Julai 2021

Jual beli adalah urus niaga melibatkan dua pihak yang berkehendak terhadap sesuatu. Definisi jual beli secara am adalah menukar sesuatu dengan sesuatu yang lain.

Pertukaran ini berlaku disebabkan keinginan seseorang kepada sesuatu benda tertentu sehingga individu tersebut rela menukar benda itu dengan apa yang dimilikinya.

Islam mengharuskan kegiatan jual beli selagi tidak mengandungi unsur-unsur penipuan yang ditegah oleh hukum agama.



Gambar hiasan

Aktiviti jual beli semakin berkembang pandemik COVID-19 tercetus. Terdapat pelbagai kemajuan teknologi yang dihasilkan antaranya pembelian secara dalam talian. Selain itu,

kemudahan bayaran menggunakan kad kredit dan aplikasi telefon pintar dapat menjimatkan masa.

Kita perlu membezakan antara barang keperluan dan juga barang kehendak. Sebagai pengguna yang bijak, kita sewajarnya peka tentang promosi dan jualan yang dibuat bagi menjimatkan perbelanjaan.

Melalui sikap ini, kita dapat memaksimumkan simpanan dan pada masa yang sama, meminimumkan perbelanjaan.

Masyarakat digalakkan agar bersikap bijak ketika berjual beli dengan berhati-hati ketika menilai kualiti sesuatu produk.

Hal ini kerana mungkin terdapat segelintir penjual yang bersikap sambil lewa dalam perniagaan.

Menurut ulama terkenal, Allahyarham Ahmad Warson Munawwir, perniagaan merupakan suatu kegiatan usaha individu yang terorganisasi untuk menghasilkan keuntungan dengan menjual barang dagangan atau menjual perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan dalam memenuhi keperluan masyarakat.

Rasullullah SAW merupakan teladan terbaik yang perlu kita jadikan contoh. Baginda merupakan individu yang bijak semasa berniaga serta baik tutur katanya.

Baginda bersabda, “Peniaga yang dapat dipercayai dan beramanah, akan bersama para Nabi, orang-orang yang dapat dipercayai dan orang-orang yang mati syahid” (Riwayat Al-Imam At-Tarmizi).

Islam menegah urus niaga berunsur *gharar* yang bermakna helah digunakan peniaga untuk mengelirukan pelanggan. Rasulullah bersabda dalam hadis riwayat Abu Hurairah iaitu “Rasullullah melarang jual beli al-hashah dan jual beli *gharar*.”

Gharar adalah istilah Arab yang bermaksud penipuan nyata sebagai helah untuk mengaut keuntungan yang tidak sepatutnya.

Islam menegah amalan penindasan sesama manusia kerana hal ini boleh menimbulkan pelbagai masalah rohani seperti pergaduhan dan perbalahan dalam kalangan masyarakat.

Syarat utama yang penting semasa jual beli dalam Islam adalah wujud reda meredai antara penjual dan pembeli. Selain itu, kedua-dua pihak sama ada penjual atau pembeli mestilah bersikap jujur.

Kejujuran akan menjadikan proses jual beli berlangsung dengan baik dan memuaskan setiap pihak.

Penipuan semasa jual beli adalah diharamkan oleh Islam malah hal ini termasuk dalam dosa yang besar kerana Allah melarang dengan ancaman 'kecelakaan' ke atas orang yang menipu dalam timbangan.

Islam adalah agama yang 'syumul' iaitu lengkap dari segala aspek sama ada untuk individu mahupun masyarakat.

Maka, marilah kita bersama-sama berusaha mempraktikkan dan menerapkan nilai kesederhanaan dalam berjual beli seperti yang ditekankan oleh Islam.